

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 2 TAHUN 1988

DASAR PINDAHMILIK TANAH KEPADA ORANG-ORANG BUKAN MELAYU

Semua Pentadbir Tanah Jajahan adalah diberitahu bahawa Pihak Berkuasa Negeri telah melantik sebuah Jawatankuasa Khas untuk mengkaji Dasar Tanah Negeri Kelantan khususnya mengenai pindahmilik tanah kepada Orang-Orang Bukan Melayu dan di antara bidang tugas Jawatankuasa ialah untuk:-

- (a) Mengkaji dasar tanah yang dipakai sekarang agar dapat disesuaikan dengan kehendak dan desakan pembangunan masa kini.
- (b) Memberi kelonggaran mana-mana yang sesuai dasar-dasar restrictive.
- (c) Di dalam membuat penyesuaian dasar kepentingan dan hak-hak keistimewaan Orang-Orang Melayu hendaklah dipertahankan.
- (d) Meringkaskan proses mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri bagi urusan pindahmilik dan gadaian tanah.

2. Jawatankuasa berkenaan setelah 2 kali mesyuarat telah membuat perakuan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan M.M.K yang bersidang pada 9.3.88 telah mengkaji Kertas Bil. 5/135/88(3) iaitu perakuan Jawatankuasa Khas Mengkaji Dasar Tanah Negeri Kelantan dan setelah menimbang kertas tersebut Majlis Mesyuarat Kerajaan telah membuat keputusan seperti berikut:-

2.1 Tanah Dalam Kawasan Rizab Melayu

2.1.1 Pindahmilik antara Orang-Orang Bukan Melayu Anak Kelantan kepada Anak Kelantan boleh diberi pertimbangan tanpa perubahan jenis hakmilik.

2.1.2 Pindahmilik antara Orang-Orang Bukan Melayu Anak Kelantan kepada Bukan Anak Kelantan boleh diberi pertimbangan secara pajakan 99 tahun kepada mereka yang lahir di Kelantan dan 66 tahun kepada mereka yang lahir diluar Kelantan.

2.1.3 Pindahmilik antara Orang-Orang Bukan Melayu dari ibubapa kepada anak/cucu dan sebaliknya boleh diberi pertimbangan tanpa perubahan jenis hakmilik.

2.1.4 Pindahmilik antara Orang-Orang Bukan Melayu adik beradik boleh diberi pertimbangan seperti berikut :-

(a) Tanpa perubahan jenis hakmilik bagi Anak Kelantan.

(b) Pajakan 99 tahun bagi Bukan Anak Kelantan tetapi lahir dan bermastautin di Kelantan.

- (c) Pajak 66 tahun bagi Bukan Anak Kelantan yang lain.

2.2 Tanah Di Luar Kawasan Rizab Melayu

2.2.1. Pindahmilik antara Orang-Orang Bukan Melayu Anak Kelantan kepada Anak Kelantan sekiranya tanah berkenaan ada sekatan kepentingan di bawah Seksyen 120 KTN boleh dipertimbangkan dengan hakmilik pajakan 99 tahun.

2.2.2. Pindahmilik antara Orang-Orang Bukan Melayu Anak Kelantan kepada Bukan Anak Kelantan boleh dipertimbang dengan cara diberi pajakan 99 tahun.

2.2.3. Pindahmilik antara Orang-Orang Bukan Melayu kepada anak/cucu dan sebaliknya boleh diberi pertimbangan tanpa perubahan jenis hakmilik.

2.2.4. Pindahmilik antara Orang-Orang Bukan Melayu adik beradik boleh diberi pertimbangan tanpa perubahan jenis hakmilik.

2.3 Pindahmilik Tanah Kepada Syarikat/Badan/Pertubuhan

2.3.1 Tanah Kawasan Rizab Melayu

Tanah kepunyaan Orang-Orang Bukan Melayu yang dipindahmilik kepada Syarikat/Badan/Pertubuhan boleh diberi pertimbangan dengan syarat hakmilik ditukar kepada pajakan 66 tahun.

2.3.2 Tanah Di Luar Rizab Melayu

Tanah kepunyaan Orang-Orang Bukan Melayu yang dipindahmilik kepada Syarikat/Badan/Pertubuhan boleh diberi pertimbangan dengan syarat hakmilik ditukar kepada pajakan 66 tahun.

2.4 Pindahmilik Tanah Daripada Orang Melayu Kepada Orang Bukan Melayu

2.4.1 Kawasan Rizab Melayu

Pindahmilik daripada Orang Melayu kepada Orang Bukan Melayu tidak patut dipertimbangkan tetapi di dalam satu-satu projek yang tertentu anjuran Kerajaan atau badan-badan Kerajaan di mana difikir perlu atau penting pihak Kerajaan berbuat demikian atas sebab-sebab yang tertentu maka bolehlah Kerajaan memberi pertimbangan khusus di dalam kes seumpama ini.

2.4.2 Tanah Luar Rizab Melayu

Pindahmilik daripada Orang Melayu kepada Orang Bukan Melayu Bukan Anak Kelantan tidak boleh dipertimbangkan, tetapi dalam satu-satu kes dan atas sebab-sebab tertentu bolehlah diangkat permohonan bagi pertimbangan khusus Majlis Mesyuarat Kerajaan.

2.4.3 Pindahmilik Tanah Kepada Syarika/Badan/Pertubuhan

Pindahmilik tanah daripada Orang Melayu kepada Syarikat/Badan/Pertubuhan boleh dipertimbangkan dengan hakmilik ditukar kepada pajakan 33 tahun dan bagi menarik pelaburan boleh ditimbang sehingga 66 tahun tidak kira sama ada tanah terletak di dalam atau diluar Kawasan Rizab Melayu.

2.5 Makna Syarikat, Badan atau Pertubuhan

Dalam konteks ini Majlis Mesyuarat Kerajaan bersetuju menetapkan pengertian Syarikat, Badan atau Pertubuhan sebagaimana berikut :-

- 2.5.1. Syarikat - Syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat Tahun 1965.
- 2.5.2. Badan - Badan yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan Tahun 1966.

2.5.3 Pertubuhan - Pertubuhan yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan Tahun 1966.

3. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh pengeluarannya dan hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling P.T.G. Bil. 4/76 berkenaan dengan harga tanah yang dimajukan untuk menentukan jumlah bayaran harga tanah setelah diberimilik semula kepada Orang-Orang Bukan Melayu.
4. Pekeliling Bil. 8/76 adalah dengan ini dibatalkan.

t.t

(Hj Ismail Hassan)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN, BLOK 3 KOTA DARULNAIM**

KOTA BHARU : 23HB. APRIL, 1988

KEPADA:

Semua Pentadbir Tanah Jajahan, Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Dato' Menteri Besar, Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar, Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Ukur Negeri Kelantan
7. YABrs. Pengurus Besar KESEDAR
8. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan

FAIL: P.T.G.KN.SULIT 1/2/4/(16).
P.T.G.KN.SULIT 1/2/7/(68).